

## PERATURAN PERMAINAN OLAHRAGA

### 1. PERATURAN TEKNIKAL

#### 1.1 Undang - Undang Permainan

- 1.1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, peraturan ini akan dijalankan mengikut undang-undang Malaysia Athletic (MA).
- 1.1.2 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi penafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Tetap dan Peraturan Am SUKIPT.
  - 1.1.3.2 Sebarang persoalan teknikal pertandingan akan diputuskan berasaskan kepada Undang-undang Malaysia Athletic.

### 2. PERATURAN PERTANDINGAN

Acara/kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

#### 2.1 Kategori Individu

ACARA	BIL.	LELAKI	BIL.	WANITA
INDIVIDU	1.	100M	1.	100M
	2.	200M	2.	200M
	3.	400M	3.	400M
	4.	800M	4.	800M
	5.	1500M	5.	1500M
	6.	5000M	6.	5000M
	7.	10,000M		-
	8.	110 M LARI BERPAGAR	7.	100 M LARI BERPAGAR
	9.	400 M LARI BERPAGAR	8.	400 M LARI BERPAGAR
	10.	3000 M LARI BERHALANGAN	9.	3000 M LARI BERHALANGAN
	11.	10,000M JALAN KAKI	10.	10,000M JALAN KAKI
	12.	LOMPAT TINGGI	11.	LOMPAT TINGGI
	13.	LOMPAT JAUH	12.	LOMPAT JAUH
	14.	LOMPAT KIJANG	13.	LOMPAT KIJANG
	15.	LOMBOL BERGALAH	14.	LOMBOL BERGALAH
	16.	MELONTAR PELURU	15.	MELONTAR PELURU
	17.	MELEMPAR CAKERA	16.	MELEMPAR CAKERA
	18.	MEREJAM LEMBING	17.	MEREJAM LEMBING
	19.	BALING TUKUL BESI	18.	BALING TUKUL BESI
	20.	DECATHLON	19.	HEPTATHLON

#### 2.2 Kategori Berpasukan

ACARA	Bil.	LELAKI	Bil.	WANITA
Berpasukan	21.	4X 100M	20.	4 X 100M
	22.	4 X 400M	21.	4 X 400M
	23.	4 X 100M CAMPURAN		
	24.	4 X 400M CAMPURAN		

2.3. Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.3.1 Setiap kontinjen hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan Olahraga yang terdiri daripada:

2.3.1.1 Seorang (1) Pengurus Pasukan

2.3.1.2 Sembilan (9) orang Pegawai/Jurulatih

2.3.1.3 Maksima Enam Puluh (60) orang Peserta satu Pasukan termasuk lelaki dan wanita

2.3.2 Borang Pendaftaran peserta hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan dimulakan (mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKIPT/ Jawatankuasa Pengelola).

2.3.3 Hanya peserta yang berdaftar dalam borang/sistem pendaftaran sahaja dibenarkan mengambil bahagian. Kegagalan peserta mendaftarkan nama di dalam pasukan masing-masing akan menyebabkan peserta tersebut tidak layak mengambil bahagian dalam mana-mana acara yang dipertandingkan.

2.3.4 Setiap kontinjen hanya dibenarkan mendaftar satu (1) pasukan sahaja bagi setiap acara berpasukan.

2.3.5 Dalam acara berpasukan, nama-nama peserta mengikut susunan untuk pusingan awal hendaklah diserahkan kepada pihak urusetia kejohanan tidak lewat daripada 1 jam sebelum acara berkenaan berlangsung.

2.3.6 Ringkasan penyertaan:

SUKAN	ATLET (Lelaki & Wanita)	PEGAWAI	JUMLAH
Individu dan Berpasukan	60	10	70

2.4 Sistem Pertandingan

2.4.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut acara dan jadual pertandingan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

2.4.2 Susunan acara hendaklah mengikut susunan yang ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa Pengelola dan dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKIPT 2026.

- 2.4.3 Setiap kontinjen adalah dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta bagi setiap acara individu dan satu (1) pasukan bagi acara berpasukan (Lari Berganti-Ganti).
- 2.4.4 Bilangan maksima penyertaan seseorang peserta adalah seperti berikut:

KATEGORI	INDIVIDU	BERPASUKAN (LARI BERGANTI-GANTI)
Wanita	3	3
Lelaki	3	3

- 2.4.5 Sesuatu acara hanya akan dipertandingkan sekiranya **terdapat minimum 6 atlet/pasukan berlainan** yang mengambil bahagian.
  - 2.4.6 Cara memutuskan keputusan pertandingan bagi peringkat saringan dan separuh akhir serta pembahagian lorong akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Kejohanan merujuk kepada peraturan World Athletics (WA) terkini.
- 2.5 Kelewatan dan Ketidakhadiran
- 2.5.1 Semua peserta mesti melaporkan diri ke khemah penyelia peserta (callroom) sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung seperti berikut:
    - 2.5.1.1 30 minit bagi acara balapan
    - 2.5.1.2 45 minit bagi acara padang
    - 2.5.1.3 60 minit bagi acara Lompat Bergalah
  - 2.5.2 Peserta yang lewat/tidak melapor diri iaitu 15 minit sebelum acara bermula, tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam acara tersebut dan akan dianggap menarik diri.
  - 2.5.3 Peserta **TIDAK DIBENARKAN** melapor diri terus kepada Pegawai Teknikal dalam arena pertandingan.
  - 2.5.4 Hebahan tentang panggilan peserta untuk melapor diri **TIDAK AKAN DIBUAT**. Maklumat hanya disiarkan di tempat penyelia peserta. Hebahan hanya akan dibuat sekiranya terdapat sebarang pindaan.
  - 2.5.5 Semasa pendaftaran di khemah penyelia (Call Room), peserta hendaklah hadir berpakaian lengkap dan **WAJIB MEMPAMERKAN KAD AKREDITASI** dan nombor peserta perlu diletakkan di bahagian hadapan dan belakang baju kecuali bagi acara lompat tinggi dan lompat bergalah sahaja dibenarkan penggunaan nombor di hadapan.
  - 2.5.6 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan mempunyai kuasa untuk melakukan sebarang pindaan berkenaan jadual pertandingan sama ada menangguh atau mengubah jadual berdasarkan keperluan semasa

dengan pemakluman kepada peserta/pasukan. Jadual pertandingan akan dimuktamadkan 5 hari sebelum kejohanan.

- 2.6 Penarikan Diri Semasa Kejohanan Dijalankan
  - 2.6.1 Jika didapati seseorang peserta setelah disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acaranya, **KECUALI** jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, atlet berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
  - 2.6.2 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal, tanpa surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftar atas namanya.
  - 2.6.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan Kejohanan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kejohanan kepada Pengurus Kejohanan.

### 3. PAKAIAN DAN PERALATAN

- 3.1 Rujuk undang-undang MA dan Perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT.
- 3.2 Pakaian Pertandingan
  - 3.2.1 Paku Kasut: Kejohanan ini akan diadakan di atas balapan jenis sintetik. Panjang maksima paku kasut (spikes) tidak boleh melebihi 09mm, kecuali untuk acara Lompat Tinggi dan Merejam Lembing. Untuk acara-acara tersebut, paku kasut tidak boleh melebihi 12mm.
  - 3.2.2 Pakaian: Semua ahli pasukan bagi acara Lari Berganti-ganti **DIWAJIBKAN** memakai pakaian yang sama warna bagi pasukan masing-masing.
- 3.3 Peralatan Pertandingan
  - 3.3.1 Ukuran peralatan akan menggunakan mana-mana pertandingan peringkat dewasa melainkan ada ketetapan lain yang dibuat.
  - 3.3.2 Peralatan: Pihak Pengelola akan menyediakan semua peralatan termasuk blok permulaan. Walaubagaimanapun untuk peralatan persendirian yang melibatkan acara Lompat Bergalah dan acara-acara balingan adalah dibenarkan untuk digunakan semasa pertandingan dengan syarat peralatan tersebut **WAJIB** diserahkan kepada Pengurus Teknik untuk disahkan sehari (24 jam) sebelum acara dipertandingkan.

- 3.3.3 Peralatan individu ini juga boleh digunakama oleh atlet-atlet lain semasa pertandingan. Peserta-peserta tidak dibenarkan menggunakan galah orang lain kecuali dengan kebenaran daripada tuan punya.
- 3.3.4 Blok Permulaan: Bagi 100m, 200m, 400m, 100m LP, 110m Lari Berpagar, 400m Lari Berpagar, 4x100m, 4x400m, 4x100m Campuran dan 4x400m Campuran adalah **MESTI MENGGUNAKAN** blok permulaan (Starting Block).
- 3.3.5 Sistem keputusan manual/elektronik akan digunakan sepanjang kejohanan.
- 3.4 Ukuran Tinggi/Jarak Permulaan
  - 3.4.1 Acara Lompat Tinggi:
 

<u>Lelaki:</u>	<u>Wanita:</u>
Percubaan: 1.60m & 1.70m	Percubaan: 1.35m & 1.45m
Permulaan: 1.65m	Permulaan: 1.40m
  - 3.4.2 Acara Lompat Kijang
 

<u>Lelaki:</u> 11m/13m	<u>Wanita:</u> 9m/11m
------------------------	-----------------------
  - 3.4.3 Lompat Bergalah
 

<u>Lelaki:</u>	<u>Wanita:</u>
Percubaan: 3.00m & 3.50m	Percubaan: 2.30m & 2.50m
Permulaan: 3.30m	Permulaan: 2.40m
  - 3.4.3 Bagi perkara 3.4.1, 3.4.2 & 3.4.3 ketetapan permulaan lompatan atau ukuran tinggi boleh diubah dan diputuskan mengikut persetujuan semasa mesyuarat pengurus pasukan.
  - 3.4.4 Cara Menanda di tempat-tempat pertandingan:  
Peserta-peserta tidak dibenarkan menggunakan kapur atau lain-lain bahan sepertinya untuk menanda di tempat-tempat pertandingan. Para peserta hendaklah menggunakan pita dan penanda yang disediakan oleh pihak pengelola.
- 3.5 Susunan atlet bagi acara campuran adalah seperti berikut:

Pelari	4x100m	4x400m	
Pelari 1	Wanita	Lelaki	
Pelari 2	Wanita	Wanita	
Pelari 3	Lelaki	Lelaki	
Pelari 4	Lelaki	Wanita	

\*Tertakluk kepada perubahan semasa peraturan "World Athletics"

#### 4. HADIAH

- 4.1 Setiap pemenang akan menerima medal kejohanan mengikut acara yang dipertandingkan.

- 4.2 Hanya medal **Pertama, Kedua dan Ketiga** sahaja akan disediakan bagi semua acara.
- 4.3 Acara Pasukan - Enam (6) medal akan diberikan kepada setiap pasukan yang berjaya menduduki tempat Pertama, Kedua dan Ketiga.
- 4.4 Jumlah medal yang ditawarkan:

Bil.	Acara	Pingat Lelaki			Pingat Wanita		
		E	P	G	E	P	G
1.	100m	1	1	1	1	1	1
2.	200m	1	1	1	1	1	1
3.	400m	1	1	1	1	1	1
4.	800m	1	1	1	1	1	1
5.	1,500m	1	1	1	1	1	1
6.	5,000m	1	1	1	1	1	1
7.	10,000m	1	1	1			
8.	100m Lari Berpagar				1	1	1
9.	110m Lari Berpagar	1	1	1			
10.	400m Lari Berpagar	1	1	1	1	1	1
11.	3,000m Berhalangan	1	1	1	1	1	1
12.	10,000m Jalan kaki	1	1	1	1	1	1
13.	Lompat Jauh	1	1	1	1	1	1
14.	Lompat Kijang	1	1	1	1	1	1
15.	Lompat Tinggi	1	1	1	1	1	1
16.	Lompat Bergalah	1	1	1	1	1	1
17.	Lempar Cakera	1	1	1	1	1	1
18.	Lontar Peluru	1	1	1	1	1	1
19.	Merejam Lembing	1	1	1	1	1	1
20.	Baling Tukul Besi	1	1	1	1	1	1
21.	Decathlon	1	1	1			
22.	Heptathlon				1	1	1
23.	4x100m	1	1	1	1	1	1
24.	4x400m	1	1	1	1	1	1
25.	4x100m Mix	1	1	1			
26.	4x400m Mix	1	1	1			
<b>Jumlah Pingat Ditawarkan</b>		<b>24</b>	<b>24</b>	<b>24</b>	<b>21</b>	<b>21</b>	<b>21</b>

**5.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN**

- 5.1 Tarikh dan masa Mesyuarat Pengurus Pasukan akan ditetapkan oleh pihak penganjur. Semasa mesyuarat ini, pengesahan penyertaan hendaklah dibuat.

- 5.2 Sebarang perubahan dan pertukaran acara adalah **TIDAK DIBENARKAN** hanya pengguguran acara sahaja dibenarkan dengan menggunakan borang gugur acara yang disediakan.

## **6.0 BANTAHAN/TATATERTIB**

- 6.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat mengikut prosedur/proses bantahan yang termaktub di dalam Peraturan Am SUKIPT.

## **7.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

- 7.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola SUKIPT dan keputusannya adalah muktamad.
- 7.2 Penganjur kejohanan tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana peserta dan pegawai.